



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

**PRODUK TIDAK BERDAFTAR DAN KOSMETIK TIDAK BERNOTIFIKASI YANG
MENYALAHUI UNDANG-UNDANG DIRAMPAS**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak telah berjaya merampas beberapa jenis produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi bernilai **hampir RM200 ribu** dalam satu operasi yang dijalankan serentak pada 1 Ogos 2019 di tiga buah premis iaitu masing-masing di Ipoh, Seri Manjung dan Lumut.

Maklumat awal berkaitan penjualan produk-produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi ini telah dikesan melalui aktiviti pemantauan di media sosial yang dijalankan oleh pihak CPF Negeri. Risikan terhadap maklumat awal ini menunjukkan suspek memiliki 3 premis yang menjalankan aktiviti jualan tersebut. Semua premis berkaitan merupakan salah satu rangkaian pengedar terbesar bagi produk-produk tersebut di sekitar negeri Perak.

Hasil operasi ini telah menemui lebih 8,000 unit produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi. Produk yang telah dirampas adalah merangkumi pelbagai jenis produk tidak berdaftar dan makanan yang disyaki dicemari perangsang seks seperti *Candy B+ Complex*, *Soloco*, *Hickel* dan *Vimax*; ubat kurus tidak berdaftar seperti *Surut Ayu* dan *Li Da*; dan produk kesihatan dicemari steroid seperti *Al-Barakah Ayam Selasih* dan *Bella Formula Sinus Care*.

Individu atau syarikat yang didapati terlibat menjual produk-produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi akan disiasat di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Jika disabit kesalahan, individu terlibat boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan berikutnya. Manakala bagi syarikat yang melakukan kesalahan tersebut boleh dikenakan denda

sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

KKM mengingatkan kepada mana-mana individu atau syarikat yang menjual produk-produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi agar menghentikan penjualan, pengedaran atau penggunaannya dengan serta-merta memandangkan produk-produk tersebut tidak terjamin daripada segi kualiti dan keselamatannya. KKM menyarankan orang ramai supaya tidak sewenang-wenangnya membeli produk kesihatan atau kosmetik melalui media sosial. Orang ramai perlu menyemak status pendaftaran produk atau notifikasi kosmetik sebelum membeli dengan melayari laman sesawang <https://www.npra.gov.my> di ruangan "Product Status" ATAU dengan menghubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di talian 03-78835400. Selain itu, orang ramai juga boleh memuat turun aplikasi *NPRA Product Status* daripada *Google Play Store* bagi tujuan semakan tersebut.

Sebarang aduan berkaitan produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi, KKM melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> ATAU melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my> ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan ATAU melalui talian 03-78413200 agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras penjualan produk-produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi di pasaran.

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
14 OGOS 2019